

Amanat Bendahari 2012

“ From Usual To Unusual Business”

Ke Arah Memperkasakan Pengurusan Kewangan

Universiti

Abstrak

Pemerkasaan *Lean Financial Management* akan dilaksanakan secara berterusan dengan inisiatif-inisiatif baharu yang memberi perubahan budaya kerja biasa kepada budaya kerja yang berbeza bagi mendukung agenda transformasi Universiti. Perubahan budaya kerja ini telah memberi impak yang besar dalam usaha untuk mencapai sasaran Universiti. Pejabat Bendahari telah melancarkan FinePortal (*Financial Excellence Portal*) pada 31 Januari 2012 semasa perutusan Naib Canselor UiTM. Dengan pelancaran FinePortal (*Financial Excellence Portal*) ini, segala urusan dan informasi berkaitan kewangan yang diperlukan staf, pelajar, pembekal dan pengguna awam adalah secara atas talian tanpa batasan masa dan lokasi serta bersifat lebih dinamik.

Pelaksanaan *FineProcurement Plus* dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2013. Ini diharapkan dapat memberi perubahan budaya kerja ke arah yang lebih baik. Secara tidak langsung ia akan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan dengan penyampaian yang lebih telus dan berintegriti. Pejabat Bendahari juga ke arah *One Pay Day* di mana satu bayaran berpusat di kampus Induk bagi menggantikan 4

proses bayaran gaji/upahan bagi setiap kampus. Inisiatif-inisiatif lain yang bakal dilaksanakan adalah seperti *Single Closing, Contract Management, Multipurpose Counter, SAGA Compliance- daily financial reporting* dan *ABC Costing ke arah OBB*.

Dalam menjayakan hasrat Universiti memperkasakan kecemerlangan akademik, Pejabat Bendahari hendaklah mampu merancang dan melaksana inisiatif agar ianya seiring dan memberi nilai tambah, serta memastikan semua peruntukan yang diberikan kepada Universiti diurus sebaik mungkin, telus dan impaknya mesti dilihat dan dirasa.

Pendahuluan

Syukur Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya kita diberi kesihatan dan ruang masa untuk bersama-sama di Perutusan Pentadbiran Tahun 2012 pada kali ini. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu dan Selamat Menyambut Maulidur Rasul 1433 Hijrah kepada para hadirin yang hadir dengan harapan permulaan tahun ini kita akan memperbaharui azam dan iltizam dengan bertekad untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada UiTM khususnya.

Syabas dan tahniah kepada Dato' Naib Canselor, Ahli Jawatankuasa Eksekutif serta semua warga Pejabat Bendahari dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di seluruh sistem UiTM kerana pada tahun 2011, kita telah diberikan penarafan tertinggi (Sangat Baik) melalui Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan oleh Jabatan Audit Negara.

Pada tahun 2011 juga, kita telah memperolehi Sijil Audit Bersih 11 tahun berturut-turut sejak tahun 2001. Pencapaian ini menepati salah satu KPI Piagam Pelanggan ISO Pejabat Bendahari.

Amanat 2012-Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

Amanat Tahun Baharu 2011 YB. Dato Seri Mohamed Khalid Nordin Menteri Pengajian Tinggi Malaysia pada 26 Januari 2012 telah menggariskan objektif berikut:-

1. Persekitaran Baharu Kampus
2. Membangun Dan Menyuburkan Modal Insan Unggul Dan Syumul Untuk Negara / Dunia
3. Meligatkan Agenda Sebagai Hab Inovasi
4. Pengajian Tinggi Malaysia: Ke Arah Pemimpin Dunia
5. Memperkuuh Sistem Pelaksanaan Serta Penyampaian Institusi Pengajian Tinggi Swasta
6. Mengarusperdanakan Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional Secara Bersepada
7. Pemantapan Hala Tuju Pembangunan Kolej Komuniti
8. Berfikiran Global Bertindak Lokal

Amanat 2012 – Naib Canselor

Amanat Tahun 2012, Ybg. Dato Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar Naib Canselor UiTM pada 31 Januari 2012 menumpukan kepada memperkasakan kecemerlangan akademik seperti berikut:-

1. Penyediaan Modal Insan Berpengetahuan Tinggi
2. Memperkasa penyelidikan, pengkomersialan dan penerbitan berimpak tinggi
3. Menjalin usaha sama erat dengan pihak Industri

Tema bagi Perutusan Naib Canselor kali ini merupakan intipati yang terhasil daripada perutusan Menteri Pengajian Tinggi yang bertemakan “*Berfikiran Global Bertindak Lokal*”. Sebagai entiti yang bersama-sama dalam merencanakan perubahan ini, kita sentiasa perihatin dan peka keperluan akan kehendak semasa Universiti untuk menyediakan keperluan dan prasarana yang mencukupi sungguhpun kita masih bergelut dengan peruntukan yang kian menguncup setiap tahun.

Amanat Bendahari 2007 – 2011

Pejabat Bendahari sentiasa bersama dan mendokong aspirasi universiti dengan pelbagai transformasi dalam pengurusan kewangan melalui pendekatan *Lean Financial Management*.

Dasar dan strategi baru perkhidmatan pengurusan kewangan berkonsepkan *lean management* diperkenalkan sejak tahun 2010.

Perlaksanaan fasa ketiga transformasi masih mengekalkan *lean* namun tambahan pendekatan baru dikenalpasti akan digunakan dalam mengwujudkan lingkungan yang lebih syumul (holistik) serta BPR (*Business Process Re-Engineering*) dengan menitikberatkan pengukuhan kepada semua peringkat proses iaitu proses dalaman dan proses merentas fungsi (*cross-functional process*) yang memberi nilai tambah (*value-add*) kepada pelanggan dalaman dan luaran.

Pencapaian Pejabat Bendahari 2007-2011

Pelbagai kejayaan yang telah dicapai sepanjang tempoh 5 tahun ini. Berikut disertakan senarai pencapaian Pejabat Bendahari sepanjang 2007-2011:

Bilangan	Tahun	Pengiktirafan/Pencapaian/Anugerah
1	2007	<p>Sijil Audit Bersih Tahun Kewangan 2006</p> <p>Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC)- Proses Terbaik</p>
2	2008	<p>1. Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC):-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Juara Peringkat Bahagian • Pembangunan Sumber Manusia Terbaik Bahagian • Kepimpinan Terbaik Bahagian • Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan Terbaik Bahagian <p>2. Amalan Pengurusan Terbaik</p> <ul style="list-style-type: none"> • Amalan Pengurusan Terbaik (IBG) • Anugerah Kategori Khas • Booth Paling Banyak Penyertaan <p>3. Sijil Audit Bersih Tahun Kewangan 2007</p> <p>4. Anugerah Bayaran Terbaik-Konvensyen Pengurusan Terbaik</p> <p>5. Anugerah Khas Bank Islam Malaysia Berhad (Pengiktirafan</p>

Bilangan	Tahun	Pengiktirafan/Pencapaian/Anugerah Kreativiti & Inovasi Kewangan Pelajar)
3	2009	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil Audit Bersih Tahun 2009 2. Johan Perarakan Maulidur Rasul
4	2010	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil Audit Bersih Tahun 2009 2. Anugerah Amalan Pengurusan Terbaik <ul style="list-style-type: none"> • Kategori Persembahan-Pembentangan Mesra & Profesional • Kategori Projek – Projek Data Teruji • Kategori Bahagian/ Pusat /Unit – Tempat Kedua
5	2011	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penarafan 4 bintang Anugerah Akauntabiliti Indeks Pengurusan Kewangan oleh Jabatan Audit Negara 2. Sijil Audit Bersih Tahun 2010 (11 tahun berturut-turut)

Berdasarkan kepada pencapaian-pencapaian tersebut, menunjukan kita mampu melaksanakan inisiatif-inisiatif transformasi demi menyokong aspirasi Universiti. Kejayaan yang diperolehi tidak bermakna kita boleh berpuas hati dengan pencapaian setakat ini. Kejayaan yang telah dicapai

ini harus dijadikan sebagai pendorong untuk Pejabat Bendahari menetapkan sasaran yang lebih tinggi.

Justeru itu, pada tahun 2012 hingga 2013, Pejabat Bendahari mensasarkan pencapaian-pencapaian seperti:

1. Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK) oleh Kementerian Kewangan
2. Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (AIICT) - Bersama Pejabat InfoTech oleh MAMPU
3. SAGA Compliance – Akauntan Negara
4. Sijil Audit Bersih dan Penarafan Indeks Akauntabiliti Tahap Sangat Baik – Ketua Audit Negara
5. AKNC – UiTM

Cabaran Universiti

1. Sumber kewangan terhad
2. Kemudahan fizikal tidak seimbang dengan keperluan
3. Projek PFI (Private Finance Initiatives) dan Kampus Transit

Strategi Menghadapi Cabaran

1. Penjimatan Kos dan Perbelanjaan Berhemah

- Menaiktaraf pusat kos kepada SBU (Strategic Business Unit) dimana kita akan dapat mengurangkan kos emolumen dan belanja mengurus berkenaan.

- Pada tahun 2011, INTEC adalah Pusat Kos yang pertama dinaiktaraf kepada SBU. Universiti telah dapat membuat penjimatan sebanyak RM 19 juta setahun.
- Manakala InED pula akan dinaiktaraf ke SBU pada tahun 2012. Anggaran penjimatan adalah sebanyak RM 5.3 juta setahun.
- *Energy Management System* dan penggantian lampu cekap tenaga LED secara berperingkat akan dapat mengurangkan kos tenaga elektrik.
- Sumber yang berada di PTJ seperti bilik kuliah, peralatan makmal dan alat pembelajaran akan dioptimakan penggunaanya dengan berkonsepkan ***shared lab*** untuk mengurangkan perbelanjaan bertindan.
- Pelaksanaan beberapa inisiatif ICT seperti FinePortal dan FineProcurement Plus akan dapat menjimatkan penggunaan sumber tenaga manusia, kertas dan masa.

2. Penjanaan Hasil

- Pusat Kos yang dinaiktaraf SBU merupakan penyumbang kepada Tabung Dana Kecemerlangan dan MDAB.
- UiTM Holding perlu lebih agresif mencari peluang-peluang perniagaan baharu untuk meningkatkan lagi pendapatan Universiti.

3. Pengurusan Aliran Wang

- Memaksimakan pulangan dari Simpanan Tetap melalui kaedah yang lebih tepat dengan mengenalpasti anggaran keperluan tunai.
- Meminimakan baki apungan dengan mengenalpasti akaun-akaun yang boleh ditutup atau disatukan.

4. Pelaburan

- Rundingan Berpusat (*Centralised Negotiation*) akan dilaksanakan dengan Perbendaharaan di Ibu Pejabat setiap Institusi Kewangan/Bank bagi

mendapatkan kadar pulangan Simpanan Tetap yang lebih tinggi dari kadar yang tersenarai (*listed*).

5. Mode of teaching melalui I-Learn

- Perlu perhalusi dan dimantapkan supaya ada satu dasar yang jelas agar pelaburan yang telah dibuat memperlihatkan pulangan dari segi penjimatan kos dan keberkesananya.
- Pejabat Bendahari juga ingin mencadangkan agar dikurangkan pertindanan lokasi program di Kampus Shah Alam mahupun di Kampus-Kampus Negeri.

6. Pengurusan kemudahan pengajaran dan pembelajaran (bilik kuliah, makmal komputer/sains, peralatan) berpusat (guna sama).

- Contoh pelaksanaan di UiTM Puncak Alam

Inisiatif-Inisiatif Ke Arah Memperkasakan Pengurusan Kewangan Universiti

1. FinePortal (*Financial Excellence Portal*) Pejabat Bendahari

- Aplikasi ini akan menjadi nadi teras pengurusan kewangan yang dilaksanakan secara *web-based* (boleh diakses 24 jam dimana sahaja) dan telah dilancarkan oleh Tan Sri Datuk Hj. Arshad Ayub, Pro Canselor UiTM, pada 31 Januari 2012 semasa Perutusan Naib Canselor.
- Perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan berdasarkan kepada kategori pelanggan Pejabat Bendahari seperti berikut:
 - i. PTJ
 - ii. Staf
 - iii. Pelajar
 - iv. Vendor
- Diantara perkhidmatan yang telah beroperasi ialah penyata gaji, penyata pendapatan tahunan (EC), permohonan potongan gaji, tuntutan lebih masa, tuntutan syarahan sambilan, bayaran pekerja harian, permohonan pinjaman kenderaan dan komputer, info bayaran bagi staf, pelajar dan pembekal.

- Untuk PTJ perkhidmatan yang telah beroperasi ialah Vot Scan dan Laporan Belanjawan.
- Perkhidmatan yang masih diujilari ialah permohonan pendahuluan, tuntutan perjalanan dan pelbagai.

2. FineProcurement Plus

- Mengaplikasikan konsep *Lean Management* di dalam pengurusan kewangan UiTM, **FineProcurement Plus** mampu membantu PTJ dan UiTM dengan perancangan dan penyediaan perolehan secara ***on line real time*** terus kepada pembekal sehinggalah proses pembayaran (e-Payment).
- Sistem ini dengan mengambilkira pematuhan **Akta Tandatangan Digital 1997 (Digital Signature Act 1997)**.
- Tempoh perlaksanaan projek ini adalah selama 18 bulan (1 Nov 2011 – 30 April 2013). Pelaksanaan adalah secara berfasa dengan Proses Pembelian Terus yang lebih telus dijangka boleh digunakan pada September 2012.

3. OnePayday

- Proses bayaran gaji/upahan akan dipusatkan di kampus induk bagi menggantikan 4 proses bayaran yang selama ini diuruskan di setiap Kampus Negeri.
- Dapat mengurangkan penggunaan sumber manusia serta menyisihkan proses bertindan di antara Kampus Induk dan setiap Kampus Negeri.
- Tahap pembangunan projek ini di peringkat memuktamadkan *functional specification*.

4. Portal UiTM

- Semua sistem-sistem yang ada dikaji semula melalui proses BPR (*Business Process Re-Engineering*) dan *lean management*.
- Membangunkan atau menaiktaraf sistem-sistem aplikasi yang sedia ada berserta dengan integrasi diantara sistem.
- Membangunkan Portal UiTM.

- Dapat mengatasi isu proses bertindan, *duplicate database* dan seterusnya akan dapat manfaat yang bersifat holistik dari Portal UiTM ini.

Futuristic Pejabat Bendahari

Beberapa projek bakal dilaksanakan dan di antaranya adalah seperti berikut:

1. Single Closing
2. Contract Management
3. Multipurpose Counter
4. SAGA Compliance – Daily Financial Reporting
5. ABC (Activity Based Costing) ke arah OBB (Outcome Based Budgetting)
6. Pembangunan semula Modul Bajet dari MBS ke OBB.
7. E-Petty Cash – Akan dibangunkan oleh Kumpulan KIK, Pejabat Bendahari dan Pejabat InfoTech

Dalam konteks membudayakan suasana kerja biasa kepada suasana kerja yang berbeza, pendekatan ini sewajarnya dijadikan satu cabaran yang positif bagi semua kakitangan Pejabat Bendahari dalam usaha mendukung agenda

transformasi Universiti dan memastikan sistem pengurusan kewangan Universiti berada di tahap yang terbaik.

Segala inisiatif-inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan diharapkan dapat memberi perubahan budaya kerja ke arah yang lebih baik. Secara tidak langsung ia akan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan dengan penyampaian yang lebih telus dan berintegriti. Ini juga merupakan salah satu daripada inisiatif yang dilihat dapat memberi impak yang besar ke arah memperkasakan sistem pengurusan kewangan Universiti *from usual to unusual business*.

Rujukan:

Amanat Tahun 2012- Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

Amanat Tahun 2012- Naib Canselor UiTM

Amanat Tahun 2011- Bendahari UiTM

Amanat Tahun 2010- Bendahari UiTM